

{vsig}makmal/entotwu/makmal{/vsig}

{vsig_c}0|1.jpg||Makmal pembiakan parasit telur{/vsig_c}

{vsig_c}0|2.jpg||Stor perladangan dan pertukangan{/vsig_c}

{vsig_c}0|3.jpg||Dewasa kupu-kupu beras{/vsig_c}

{vsig_c}0|4.jpg||Parasit telur{/vsig_c}

{vsig_c}0|5.jpg||Kotak pemeriharaan kupu-kupu beras{/vsig_c}

{vsig_c}0|6.jpg||Kupu-kupu beras di atas penutup kotak disemur dengan menggunakan hair dryer{/vsig_c}

{vsig_c}0|7.jpg||Pembiakan parasit telur dengan menggunakan kabinet Morrison{/vsig_c}

{vsig_c}0|8.jpg||Pembersihan kabinet Morrison dilakukan setiap hari{/vsig_c}

{vsig_c}0|9.jpg||Telur yang berumur 6 hari selepas diparasitkan dilekatkan di kepingan kertas{/vsig_c}

{vsig_c}0|10.jpg||Pelepasan parasit telur di ladang dibuat selang 3 hari{/vsig_c}

{vsig_c}0|11.jpg||Telur UPBK yang didapati mengandungi parasit telur di pindahkan ke test tube untuk generasi baru{/vsig_c}

{vsig_c}0|12.jpg||Kualiti parasit telur dipantau sebelum pelepasan di ladan{/vsig_c}

{slider=LATARBELAKANG}

Makmal perintis ini telah dibina pada bulan Mac 1999 dan mula beroperasi pada April 2000 sebagai tempat pengeluaran parasit telur. Parasit telur adalah sebagai satu alternatif lain bagi mengawal serangan ulat pengorek buah koko (UPBK). Pembiakan parasit telur di makmal memerlukan perumah pengantaraan dan telur kupu-kupu beras dikenalpasti sesuai untuk digunakan sebagai pembiakan parasit telur. Oleh itu, makmal perintis ini bukan sahaja tempat pembiakan parasit telur tetapi juga sebagai tempat pemeriharaan kupu-kupu beras. Lembaga Koko Malaysia telah mempelbagaikan skop penyelidikannya, antaranya adalah kaedah kawalan secara biologi dengan menggunakan parasit telur kupu-kupu beras. Kaedah biologi ini adalah merupakan pengawalan ulat pengorek buah koko tanpa menggunakan bahan kimia dan secara tidak langsung boleh mengurangkan pencemaran. Pada dasarnya makmal ini telah berjaya mencapai sasaran mengeluarkan sebanyak 100 gram telur kupu-kupu beras walaupun tidak konsisten. Antara masalah utama yang dihadapi dalam proses pengeluaran telur kupu-kupu beras ialah serangan parasit *Bracon* sp.

{/slider}

{slider=OBJEKTIF}

Untuk mengeluarkan sekurang-kurangnya 100 gram telur kupu-kupu beras setiap hari yang boleh digunakan untuk mengawal seluas 80 hektar kawasan tanaman koko. Penggunaan parasit telur ini sebagai agen biologi untuk mengawal ulat pengorek buah koko yang bersifat

mesra alam.

{/slider}

{slider=KEMUDAHAN MAKMAL PEMBIAKAN PARASIT TELUR}

- 10 buah bilik dan mengandungi 520 buah kotak untuk pemeriharaan kupu-kupu beras.
- 1 buah bilik untuk pembiakan parasit telur yang mengandungi 10 buah kabinet Morrison, 1 buah chiller, 1 buah peti sejuk, 1 buah troli plet, 1 buah kabinet incubasi, 1 buah kabinet UV-light dan 1 buah penimbang digital.
- 1 buah bilik untuk kawalan kualiti parasit telur dan dilengkapi dengan 1 buah peti sejuk dan 1 buah stereo zoom microscope untuk membantu mendapat generasi baru parasit telur dari ladang.
- Sebuah tempat pembersihan telur kupu-kupu beras yang dilengkapi dengan 1 buah exhaust fan bersaiz 18 inci yang berfungsi menyedut keluar kekotaran daripada telur kupu-kupu beras.
- 4 buah stor iaitu stor media, stor pertukangan, stor pertukangan dan stor penyimpanan haiwan perosak koko yang telah diawet.
- 2 buah oven untuk mengeringkan dan mengelakan media daripada berkulat

{/slider} {slider=PERANAN MAKMAL PEMBIAKAN PARASIT TELUR}

- Sebagai tempat pembiakan dan pengeluaran parasit telur untuk alternatif pengawalan ulat pengorek buah koko.
- Sebagai tempat memelihara koleksi parasit-parasit telur yang sedia ada yang terdiri dari empat (4) species dan lebih enam (6) strain dari empat puluh satu (41) lokasi dari seluruh Malaysia.
- Menjalankan kajian terkini berkaitan keberkesanan penggunaan parasit telur dalam pengawalan ulat pengorek buah koko, mengenalpasti parasit telur yang baru ditemui di ladang dan membuat kawalan kualiti parasit telur sebelum dilepaskan di ladang.
- Menjadi rujukan pelajar praktikal dari institusi pengajian tinggi yang sering ditempatkan di PPPK Tawau.
- Menjalankan kajian berkaitan serangga terutama serangga perosak koko.

Dengan kemudahan yang tersedia di makmal perintis pembiakan parasit telur ini, secara ringkasnya boleh dirumuskan berpotensi menjadi pusat pengeluaran parasit telur, kajian dan

rujukan yang komprehensif terutamanya kawalan pengorek buah koko secara kaedah biologi.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi: Lembaga Koko Malaysia Peti surat 60237, 91012

tawau

Tel

efon: 089-915604

{/slider}